

GLOSARI

ISTILAH	HURAIAN	
Akad istithaq	(عقد الاستيثاق)	Akad jaminan
Akad isytirak	(عقد الاشتراك)	Akad perkongsian seperti <i>mudarabah</i> dan <i>musyarakah</i>
Akhz al-ajr `ala al-jah	(أخذ الأجر على الجاه)	Mengambil upah atas reputasi yang baik
Akhz al-ju'l `ala ruqyah min al-Quran	(أخذ الجعل على رقية من القرآن)	Mengambil upah hasil rawatan/ perubatan dengan ayat al-Quran
Al-`adah muhakkamah	(العادة محكمة)	Adat kelaziman sebagai asas hukum
Al-ajl	(الأجل)	Tangguhan
Al-bai`	(البيع)	Akad jual beli
Al-bai` wa al-salaf	(البيع والسلف)	Akad jual beli dengan syarat pinjaman
Al-ijarah thumma al-bai`	(الإجارة ثم البيع)	Akad sewa yang disusuli dengan pemilikan barang oleh penyewa melalui akad jual beli
Al-jam`u baina `aqd al-qardh wa `aqd al-mu`awadhah	(الجمع بين عقد القرض وعقد المعاوضة)	Himpunan antara kontrak pinjaman dengan kontrak pertukaran
Al-muqasah al-ittifaqiyyah	(المقاصة الإتفاقية)	Tolak selesai secara persetujuan oleh kedua-dua pihak
Al-muqasah al-jabariyyah	(المقاصة الجبرية)	Tolak selesai secara penetapan oleh pihak berkuasa
Al-naqd yalid al-naqd	(النقد يلد النقد)	Wang menghasilkan wang

ISTILAH	HURAIAN
Al-wa`d bi al-tamlik	(الوعد بالتمليك) Janji untuk memiliki atau pemilikan
Bai` `inah	(بيع العينة) Akad jual beli yang disusuli dengan pembelian semula oleh penjual dengan harga yang berbeza
Bai` dayn	(بيع الدين) Akad jual beli hutang
Bai` al-dayn bi al-dayn	(بيع الدين بالدين) Akad jual beli hutang dengan hutang
Bai` sarf	(بيع الصرف) Akad jual beli mata wang
Bai` al-usul bi al-khasm	(بيع الأصول بالخصم) Akad jual beli aset secara diskaun
Bai` al-kali' bi al-kali'	(بيع الكالئ بالكالئ) Rujuk <i>bai' al-dayn bi al-dayn</i>
Bai` bithaman ajil	(بيع بثمن آجل) Akad jual beli berasaskan pembayaran tertangguh pada harga tertentu
Bai` mu`ajjal	(بيع مؤجل) Rujuk <i>bai' bithaman ajil</i>
Bai` muzayadah	(بيع مزايده) Akad jual beli secara bidaan atau lelongan
Bai` salam	(بيع السلم) Akad jual beli secara pesanan terhadap aset tertentu dengan spesifikasi tertentu. Pembayaran penuh dibuat secara tunai semasa akad dimeterai manakala penyerahan barang ditangguhkan ke suatu masa yang ditetapkan

ISTILAH		HURAIAN
Bai` wadh`ah	(بيع الوضعية)	Akad jual beli dengan harga yang lebih rendah daripada kos pemerolehan
Bai`atain fi al-bai`ah	(بيعتين في البيعة)	Dua urusan niaga jual beli dalam satu akad jual beli
Dayn ghair thabit	(دين غير ثابت)	Hutang yang belum tetap
Dayn mustaqir	(دين مستقر)	Hutang yang tetap tanggungan pembayarannya
Dayn thabit	(دين ثابت)	Hutang yang telah tetap
Dhaman	(ضمان)	Jaminan
Dharar	(ضرر)	Kemudaratan
Dhawabit	(ضوابط)	Garis panduan
Dho` wa ta`ajjal	(ضع وتعجل)	Mengurangkan sebahagian jumlah hutang apabila peminjam menyelesaikan hutang lebih awal
Fakultatif		Perjanjian takaful semula yang dimeterai antara pengendali takaful dengan pengendali takaful yang lain (termasuk penanggung insurans konvensional), dan pengendali takaful yang mengunderait risiko mempunyai pilihan untuk mengagih manakala pengendali takaful atau penanggung insurans konvensional mempunyai pilihan untuk menerima atau menolak risiko tersebut
Faraid	(فرائض)	Ilmu pengetahuan atau hukum tentang pembahagian harta pusaka mengikut peraturan Islam

ISTILAH		HURAIAN
Fasakh	(فسخ)	Bubar
Fasid	(فاسد)	Rosak, tidak sah
Fiqh muamalat	(فقه المعاملات)	Disiplin ilmu yang membahaskan hukum berkenaan dengan urusan kehidupan manusia sesama manusia
Fuqaha	(فقهاء)	Ulama fiqah
Gharamah	(غرامة)	Denda/Penalti
Gharar	(غرر)	Ketidakpastian
Gharar yasir	(غرر يسير)	Ketidakpastian yang sedikit
Ghasb	(غصب)	Rampasan atau pengambilan harta secara tidak sah
Hajah	(حاجة)	Keperluan
Hamish jiddiyyah	(هامش جدية)	Deposit sekuriti
Hibah ruqba	(هبة رقبى)	Pemberian semasa tempoh hidup pemberi atau penerima hibah dengan syarat kematian salah satu pihak (sama ada pemberi hibah atau penerima hibah) sebagai syarat pemilikan harta oleh pihak yang hidup
Hibah umra	(هبة عمرى)	Pemberian semasa tempoh hidup penerima hibah atau pemberi hibah dengan syarat harta tersebut dikembalikan sekiranya berlaku kematian penerima hibah

ISTILAH	HURAIAN
ibra' (إبراء)	Rebat/Pengguguran sebahagian atau keseluruhan tuntutan terhadap sesuatu hak atau hutang
ibra' mu`allaq (إبراء معلق)	<i>ibra'</i> yang tertakluk kepada syarat dan sekiranya syarat tersebut dipenuhi, maka <i>ibra'</i> akan diberikan
ibra' muqayyad (إبراء مقيد)	<i>ibra'</i> yang terikat pada syarat
Ijarah (إجارة)	Akad sewa atau upah yang melibatkan faedah/manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui
Ijarah muntahia bi al-tamlik (إجارة منتهية بالتمليك)	Akad sewa yang diakhiri dengan pemilikan barang oleh penyewa
Ijtihad (اجتهاد)	Daya fikir dan usaha bersungguh-sungguh yang digembeng oleh ulama bertaraf <i>mujtahid</i> untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum Syarak secara tepat dalam perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas sama ada dalam al-Quran atau Sunnah
`Illah (علة)	Sebab hukum
Isqat al-haq (إسقاط الحق)	Pengguguran hak
Istiqrar ta`amul (استقرار التعامل)	Kelancaran perjalanan pasaran
Istisna` (استصناع)	Akad jual beli secara tempahan bagi sesuatu produk dengan spesifikasi tertentu dan dengan kaedah penyerahan dan pembayaran tertentu (sama ada tunai atau bertangguh)

ISTILAH		HURAIAN
Istisna` muwazi	(استصناع موازي)	<i>Istisna`</i> selari
Ittifaqiyyah	(اتفاقية)	Persetujuan bersama
`Iwad	(عوض)	Imbalan
Jumhur	(جمهور)	Majoriti
Kafalah	(كفالة)	Jaminan
Kafalah bi al-Ujr	(كفالة بالأجر)	Jaminan dengan upah
Kafil	(كفيل)	Penjamin
Makful `anhu	(مكفول عنه)	Pihak yang dijamin
Makful lahu	(مكفول له)	Penerima jaminan atau benefisiari
Mani` Syar`ie	(مانع شرعي)	Halangan Syarak
Marhun	(مرهون)	Barang yang digadai/dicagar
Maslahah	(مصلحة)	Kepentingan umum
Masnu`	(مصنوع)	Barang yang ditempah
Maysir	(ميسر)	Judi
Mu`ayyan bi al-zat	(معين بالذات)	Dapat dikenal pasti dan ditentukan secara jelas dan tepat dari segi lokasi, kuantiti dan kualiti
Mubara`ah	(مباراة)	Saling menggugurkan/melepaskan hak
Mudarabah	(مضاربة)	Akad perkongsian untung

ISTILAH		HURAIAN
Mudarib	(مضارب)	Pengusaha usaha niaga <i>mudarabah</i>
Mulzimah	(ملزمة)	Secara lazim
Muqaradah	(مقارضة)	Rujuk <i>mudarabah</i>
Muqasah	(مقاصة)	Tolak selesai
Muqtada al-`aqd	(مقتضى العقد)	Objektif kontrak
Murabahah	(مراوحة)	Akad jual beli dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli
Murtahin	(مرتهن)	Pihak yang meminta cagaran
Musahamah	(مساهمة)	Saling memberikan sumbangan
Musawamah	(مساومة)	Akad jual beli tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli
Musya`	(مشاع)	Sifat aset yang dimiliki secara bersama yang tidak boleh dipisahkan atau dibahagikan
Musyarakah	(مشاركة)	Akad perkongsian untung rugi
Musyarakah mutanaqisah	(مشاركة متناقصة)	Akad perkongsian yang membenarkan seorang (atau lebih) rakan kongsi memberikan hak kepada rakan kongsi yang lain untuk memiliki bahagian aset kepunyaannya secara beransur-ansur berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui
Musyarik	(مشارك)	Rakan kongsi

ISTILAH		HURAIAN
Muta`arafan	(متعارفا)	Menjadi amalan kebiasaan
Muwa`adah mulzimah	(معاوضة ملزمة)	Janji kedua-dua belah pihak yang mengikat
Nafaqah	(نفقة)	Kos tanggungan
Qabd	(قبض)	Penguasaan terhadap sesuatu aset
Qard	(قرض)	Akad pinjaman
Qard hasan	(قرض الحسن)	Akad pinjaman berdasarkan ihsan
Qawl al-jadid	(قول الجديد)	Pendapat baharu
Qawl al-qadim	(قول القديم)	Pendapat lama
Qimah ismiyyah	(قيمة إسمية)	Harga nominal
Qimah suqiyyah	(قيمة سوقية)	Harga pasaran
Qiradh	(قراض)	Rujuk <i>mudarabah</i>
Qiyas	(قياس)	Analogi
Rabbul mal	(رب المال)	Pemilik modal/pelabur
Rahin	(راهن)	Penggadai
Rahn	(رهن)	Gadaian/Cagaran
Rahn al-musya`	(رهن المشاع)	Cagaran terhadap aset yang dimiliki secara bersama
Rahn rasmi	(رهن رسمي)	Penyerahan cagaran melalui catatan secara rasmi dalam daftar pihak berkuasa

ISTILAH		HURAIAN
Sadd zarai`	(سد الذرائع)	Pendekatan Syarak untuk menyekat perkara yang boleh menyebabkan seseorang terjebak dalam perkara yang diharamkan
Sighah	(صيغة)	Lafaz ijab dan qabul
Siyasah Syar`iyyah	(سياسة شرعية)	Dasar dan pendekatan yang diambil oleh pemerintah demi kepentingan negara dan rakyat yang selaras dengan prinsip Syariah
Sukuk	(صكوك)	Sekuriti/Bon Islam
Sukuk ijarah	(صكوك الإجارة)	Sekuriti Islam berasaskan akad <i>ijarah</i>
Sukuk murabahah komoditi		Sekuriti Islam berasaskan akad <i>tawarruq</i>
Syahadah al-dayn	(شهادة الدين)	Sijil hutang
Syubhah	(شبهة)	Keraguan
Ta`awun	(تعاون)	Bantu-membantu
Ta`widh	(تعويض)	Ganti rugi
Tabarru`	(تبرع)	Pemberian/Sumbangan secara sukarela
Takaful		Suatu skim yang bercirikan semangat bantu-membantu dan tolong-menolong dengan menyediakan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan dan semua peserta sama-sama bersetuju untuk memberikan sumbangan bagi tujuan tersebut

ISTILAH		HURAIAN
Takaful semula alir keluar		Pengagihan atau pemberian risiko yang diunderait oleh sesebuah syarikat takaful kepada syarikat takaful atau syarikat insurans konvensional yang lain
Takaful semula alir masuk		Penerimaan risiko oleh sesebuah syarikat takaful daripada syarikat takaful yang lain
Taklufah	(تكلفة)	Kos sebenar
Takyif	(تكيف)	Penyesuaian
Takyif fiqhi	(تكيف فقهي)	Penyesuaian fiqah
Tanazul	(تنازل)	Pengguguran tuntutan hak
Taqyid	(تقييد)	Mengehadkan
Tasarruf	(تصرف)	Pengurusan
Tawarruq/ murabahah komoditi	(تورق)	Membeli sesuatu barang dengan harga tangguh sama ada secara <i>musawamah</i> atau <i>murabahah</i> , kemudian menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperoleh wang tunai
Tawatu`	(تواطؤ)	Pengaturan awal

ISTILAH		HURAIAN
Triti		Perjanjian takaful semula antara pengendali takaful dengan pengendali takaful lain (termasuk penanggung insurans konvensional) yang mewajibkan pengendali takaful mengagihkan risiko yang diunderait dan pengendali takaful atau penanggung insurans konvensional yang memeterai perjanjian ini juga wajib menerima risiko tersebut
Ujr `ala wakalah	(أجر على الوكالة)	Upah perwakilan
Ujah	(أجرة)	Upah
`Uqud mu`awadhat	(عقود معاوضات)	Akad-akad pertukaran
`Uqud musamma	(عقود مسمى)	Akad-akad yang diketahui dalam kalangan ulama, disebut dalam kitab-kitab fiqh lama dan dinyatakan secara jelas dalam sumber hukum (seperti al-Quran dan Sunnah)
`Uqud mustajiddah	(عقود مستجدة)	Akad-akad baharu
`Urbun	(عربون)	Wang pendahuluan/deposit
`Urf	(عرف)	Kelaziman atau kebiasaan yang diterima oleh masyarakat dan tidak bercanggah dengan hukum Syarak
`Urf tijari	(عرف تجاري)	Amalan lazim perniagaan yang diterima oleh masyarakat dan tidak bercanggah dengan hukum Syarak
Wa`d	(وعد)	Janji
Wa`d bi al-syira'	(وعد بالشراء)	Janji untuk membeli

ISTILAH		HURAIAN
Wa`d mulzim	(وعد ملزم)	Janji yang mengikat
Wadi`ah	(وديعة)	Akad simpanan harta yang diamanahkan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk dijaga dan dipulangkan apabila diminta
Wadi`ah yad amanah	(وديعة يد أمانة)	Akad simpanan secara amanah
Wadi`ah yad dhamanah	(وديعة يد ضمانة)	Akad simpanan dengan jaminan
Wakaf	(وقف)	Sesuatu pemberian atau sumbangan ikhlas harta yang dimiliki untuk kepentingan dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh Syarak
Wakalah	(وكالة)	Akad perwakilan
Wakalah bi al-istithmar	(وكالة بالاستثمار)	Akad perwakilan bagi tujuan pelaburan
Wasi	(وصي)	Orang yang dilantik untuk menunaikan wasiat
Zari`ah ila riba	(ذريعة إلى ربا)	Jalan ke arah riba
Zan al-ghalib	(ظن الغالب)	Tanggapan yang lebih hampir kepada kepastian
Zimmah	(ذمة)	Tanggunguan

Untuk mendapat maklumat lanjut berkenaan penerbitan ini, sila hubungi:

Pengarah

Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon : +(603) 2698 8044

Faksimili : +(603) 2693 3826

Dalam menghasilkan semula atau memetik kandungan, pemakluman sumber diperlukan.

Harga: RM35.00 senaskhah